

21/06/2004

Usah wujud kem: Pak Lah (HL)

By Mutazar Abd Ghani

KEPALA BATAS: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan ahli Umno yang berhasrat bertanding pelbagai jawatan dalam pemilihan parti September ini tidak mewujudkan kem bagi mengelakkan perpecahan.

Pemangku Presiden Umno berkata, ini termasuk mereka yang berhasrat bertanding peringkat bahagian bulan depan dan pelbagai jawatan lain, termasuk Majlis Tertinggi (MT).

Katanya, setiap ahli tidak dilarang bertanding, tetapi tidak perlu membentuk kem kerana ia boleh menyebabkan berlaku perbalahan, sekali gus menjejaskan perpaduan ahli.

Beliau berkata, kem tidak diperlukan kerana mereka yang hendak bertanding ketua bahagian misalnya, sudah dikenali dalam bahagian berkenaan.

"Siapa-siapa nak bertanding, bertandinglah. Tak payah tubuh kem. Bila ada kem, inilah yang jadi perbalahan. Kem lawan kem. Dalam keadaan itu nanti seluruh ahli dalam bahagian akan terbabit...siapa nak masuk kem itu dan kem ini.

"Apabila berlaku perbalahan antara dua kem, perpaduan di kalangan ahli Umno pun akan terjejas. Mereka yang nak bertanding dan menawarkan khidmat untuk parti jadi ketua bahagian misalnya, serah pada parti untuk memikirkan sama ada dia layak atau tidak.

"Namun, saya anggap orang yang nak jadi ketua bahagian memang sudah dikenali dalam bahagian itu. Jadi, apa lagi nak wujud kem-kem untuk berbalah sesama sendiri," katanya ketika ditanya nasihat beliau mengenai kemungkinan ada pihak mewujudkan kem menjelang pemilihan pelbagai jawatan Umno, termasuk peringkat bahagian dan MT.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis penyerahan projek kuarters Institusi Pendidikan kepada Kementerian Pelajaran di Taman Sri Serdang, Bertam, di sini semalam.

Peringatan itu amat bertepatan kerana perpecahan hanya akan melemahkan parti selepas kejayaan cemerlang Umno pada pilihan raya umum lalu. Pada pemilihan parti sebelum ini, terutama pada 1987 dan 1993, sikap berpuak-puak dan penubuhan pasukan atau kem menyebabkan perpecahan sehingga menjejaskan prestasi pada pilihan raya.

Abdullah dan Timbalannya Datuk Seri Najib Razak yang dijangka tidak ditandingi sebagai Presiden dan Timbalan Presiden kali ini pernah terbabit dalam kemelut pemilihan Umno pada 1987 dan 1993.

Yang pertama adalah ketika percubaan mengalahkan Tun Dr Mahathir Mohamad yang menyebabkan pencabarnya, Tengku Razaleigh Hamzah dan penyokongnya menubuhkan parti serpihan Semangat 46.

Semangat 46 kemudian menjalin pakatan dengan Pas dan DAP, sekali gus memberi kemenangan kepada Pas di Kelantan yang sehingga kini terus menguasai negeri itu walaupun dengan kemenangan majoriti tipis pada pilihan raya baru-baru ini.

Pada 1993, Datuk Seri Anwar Ibrahim menubuhkan 'Team Wawasan' untuk menjatuhkan Tun Ghafar Baba dan penyokongnya.

Mereka berjaya tetapi ia menyebabkan keretakan dalam Umno.

Selepas Anwar dipecat sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 1998, ramai pengikutnya meninggalkan Umno dan menubuhkan Keadilan serta menentang Umno pada 1999, menyebabkan Umno kehilangan Terengganu pada pilihan raya apabila parti itu berganding dengan DAP dan Pas.

Bagaimanapun, majoriti penyokong Semangat 46 menyertai semula Umno dan

ramai pemimpin Keadilan kembali kepada Umno.

Abdullah yang mengetuai Umno dan BN buat kali pertama pada pilihan raya lalu, mencapai kejayaan besar apabila menawan semula Terengganu, mengurangkan majoriti Pas di Kelantan dan mendapat 90 peratus kerusi Parlimen.

(END)